

» 160 peserta
sertai program
semai benih
pokok bakau
di Langkawi
Geopark

Oleh Rosniza Mohd Taha
yourza@bh.com.my

Langkawi

Sebanyak 1,125 benih pokok bakau kurap dan bakau minyak disemai di kawasan Kilim Karst Geoforest Park, menerusi Program Pembangunan Mahasiswa ECOHEART UNESCO-Langkawi Geopark di sini, baru-baru ini.

Penasihat Kelab UNESCO-ECOHEART Politeknik Seberang Perai (PSP), Abdul Aziz Ishak, berkata usaha pemuliharaan alam sekitar itu dijayakan 160 peserta termasuk pelajar politeknik, murid Sekolah Kebangsaan Kilim dan masyarakat setempat.

Katanya, kawasan konservasi itu dipilih kerana ia adalah tapak warisan yang mempunyai nilai saintifik yang sangat tinggi dalam pemuliharaan dan turut diwartakan sebagai satu daripada Geoforest Park di Langkawi Geopark oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Khidmat sosial
"Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendedahkan pelajar politeknik terhadap aktiviti konservasi bakau dan melaksanakan khidmat sosial bersama-sama komuniti.

"Program ini juga menjadi wadah bagi menyatukan elemen pembentukan kepimpinan dan sahsiah pelajar serta program pendidikan merentas bidang apabila pelajar mendapat pendeda-



Peserta berganding bahu dengan masyarakat menyemai Program Pembangunan Mahasiswa ECOHEART UNESCO Langkawi Geopark.

Konservasi ekologi bakau



Wajah ceria peserta ketika melakukan aktiviti.

han pembelajaran dalam bidang ekologi dan pemuliharaannya," katanya.

Sementara itu, Pegawai Bahagian Pembangunan Geopark dan Konservasi, Khairul Nizam Abdul Ghafar, berkata program kelestarian itu harus diteruskan kerana ia bukan sekadar sebagai program pendidikan tetapi juga akan memberikan implikasi positif langsung kepada pembangunan sosioekonomi komuniti setempat yang bergantung kepada sumber perikanan pantai dan pelancongan setempat.


Sistem ekologi

"Kepentingan konservasi ini dilihat mampu membantu

menambahkan bilangan pokok bakau pada masa hadapan dan memulihkan sistem ekologi paya bakau yang secara langsung akan meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat.

"Menerusi kaedah pembelajaran di lapangan, pelajar didedahkan dengan teknik penyediaan anak benih bakau dengan bantuan dan tunjuk ajar oleh kakitangan Langkawi Geopark dan masyarakat setempat," katanya.

Program anjuran Kelab UNESCO Majlis Perwakilan Pelajar PSP itu mendapat kerjasama daripada Bahagian Geopark dan Konservasi, Lembaga Pembangunan Langkawi serta Koperasi Komuniti Kilim.



Peserta memungkah anak pokok bakau untuk ditanam.

Kekayaan alam semula jadi di Kilim Karst Geoforest Park.